

MediaTitle	Utusan Sarawak	Language	Malay
Date	07 Jun 2013	Readership	113,943
Circulation	37,981	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	ArticleSize	132 cm ²
Page No	2	PR Value	RM 900
AdValue	RM 300		



Budaya kerja efisien jamin kejayaan organisasi

SAFRI ALI

KUCHING, Khamis — Budaya kerja cemerlang, menepati masa dan efisien mampu menjamin kejayaan sesebuah organisasi.

Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr. Mohd Tap Salleh berkata, kakitangan pelbagai peringkat dalam organisasi tidak kira sektor kerajaan mahupun swasta perlu bersedia menerima perubahan budaya kerja.

Menurutnya, perubahan budaya kerja itu perlu melalui pelbagai peringkat evolusi kerana usaha itu bukan sesuatu yang boleh berlaku sekilip mata.

"Seluruh kakitangan perlu bersedia untuk berubah cara kita bekerja kerana ia perlu ada

transformasi menjadikan nilai tambah sebagai satu budaya dalam setiap pekerjaan yang dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan tajuk Etika Dan Integriti Asas Budaya Kerja Cemerlang sempena Seminar Pengurusan Organisasi Cemerlang "Merealisasikan Aspirasi Negara" anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) di salah sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Katanya, jika perubahan budaya kerja ini tidak berlaku adalah sukar ingin memberikan perkhidmatan terbaik kepada sasaran semua peringkat tidak mungkin akan tercapai.

"Organisasi perlu sedar cabaran kini semakin kompleks serta mencabar yang memerlukan satu barisan sumber manusia

lebih mantap untuk mengikut arus pembangunan pesat negara," jelasnya.

Katanya, semua kakitangan perlu sentiasa bersikap profesional bukan sahaja dari segi pelaksanaan tanggungjawab tetapi juga sentiasa menambah baik prestasi dan produktiviti.

"Kakitangan juga hendaklah sentiasa bersedia berubah dari satu tahap amalan kerja yang biasa ke suatu tahap yang berprestasi tinggi," ujarnya.

Menurutnya lagi, semua kakitangan menggalas tugas besar untuk menjayakan transformasi dan pembaharuan ke arah budaya kerja cemerlang.